

KEPERLUAN ZIKIR DALAM PEMBELAJARAN MENURUT MANUSKRIP MELAYU: KAJIAN TERHADAP MSS 2906 (B) *TIBYĀN AL-MARĀM*
(The Importance of Dhikr in Learning According to Malay Manuscript: A Study on MSS 2906 (B) *Tibyān al-Marām*)

Mohd Anuar Mamat* & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**

Abstrak

Zikir merupakan salah satu ibadat yang disyariatkan dalam Islam. Terdapat banyak ayat al-Quran dan Hadith yang menjelaskan tentang galakan, pelaksanaan dan juga kelebihannya. Makalah ini akan meninjau keperluan zikir dalam pembelajaran berdasarkan manuskrip Melayu, iaitu MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Talabah*. Berdasarkan analisis kodikologi, manuskrip ini berasal daripada Aceh dan ditulis antara akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Manuskrip ini berada dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Ia merupakan sebuah karya terjemahan dengan huraian ke dalam bahasa Melayu aksara Jawi daripada karya berbahasa Arab bertajuk *Ṭalibah al-Talabah fī Tarīq al-‘Ilm li man Ṭalabah* tulisan Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kāshgharī (m. 705H). Makalah ini mendapati bahawa zikir bukan sahaja dituntut kepada semua umat Islam, malah ia juga menjadi keperluan penting kepada para pelajar semasa proses pembelajaran mereka. Selain itu, manuskrip *Tibyān al-Marām* juga menjelaskan bahawa zikir memainkan peranan penting kepada pelajar khasnya untuk tujuan menguatkan ingatan dan juga membawa kemurahan rezeki. Beberapa lafadz zikir dan doa juga turut dikemukakan dalam manuskrip ini sebagai panduan kepada para penuntut ilmu. Perbincangan tentang keperluan zikir dalam manuskrip ini adalah selaras dengan karya-karya sebelumnya terutamanya tentang adab penuntut ilmu (*adab al-muta‘allim*) dalam tradisi pendidikan Islam dan menjelaskan bahawa zikir ini amat penting dalam kehidupan pelajar dalam membentuk diri mereka sehingga menjadi ilmuwan nanti.

Kata kunci: zikir, pelajar, pendidikan Islam, *Tibyān al-Marām*, kajian manuskrip

Abstract

Dhikr is a devotional act in Islam that is laden with various benefits as mentioned in the Holy Quran and hadith. This article reviews the importance of dhikr in learning based on a rare Malay work titled Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Talabah (MSS 2906B). From the codicological perspective, this manuscript originated from Aceh and was written in Jawi script in a period between the end of 18th and early 19th century. It is a Malay translation and adaptation of the Arabic text titled Ṭalibah al-Talabah fī Tarīq al-‘Ilm li man Ṭalabah by Sadīd al-Dīn Muḥammad al-Kāshgharī (m. 705H). At present, the manuscript is kept at the National Centre for Malay Manuscripts, National Library of Malaysia. This article finds that dhikr is greatly encouraged to be practiced by all, especially students as it provides great spiritual benefits for them and helps to improve their memory and increase their rizq (provision). There are also various types of dhikr and prayers described in this manuscript as guidance for students. The discussion of this topic is in line with the previous works on the ethics and rules of conduct for students (adab al-muta‘allim) based on the Islamic educational tradition.

Keywords: dhikr, student, Islamic Education, *Tibyān al-Marām*, manuscript studies

Pendahuluan

Zikir merupakan salah satu ibadat yang disyariatkan dalam Islam. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadith yang menjelaskan tentang galakan, pelaksanaan dan juga kelebihannya. Walaupun zikir amat dituntut kepada umat Islam amnya, namun secara khusus ia amat penting kepada para pelajar. Imam Abū Ḥanīfah, al-Ghazālī, al-Zarnūjī dan Ibn

* Mohd Anuar Mamat (PhD) (corresponding author), Senior Lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Islamic University Science of Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Email: anuarmamat@usim.edu.my.

** Muhammad Mustaqim Mohd Zarif (PhD), Professor and Dean, Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Islamic University Science of Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. Emel: mustaqim@usim.edu.my.

Jamā‘ah menjadikan zikir ini merupakan sebahagian daripada adab para pelajar semasa belajar.¹ Zikir menurut mereka antara lain bertujuan menyucikan hati, mendekatkan diri kepada Allah dan memudahkan usaha memperoleh ilmu. Oleh yang demikian, makalah ini akan meninjau keperluan zikir dalam pembelajaran menurut perspektif manuskrip Melayu, iaitu MSS 2906 (B), berjudul *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah*. *Tibyān al-Marām* ini merupakan antara manuskrip terpenting dan terawal yang membicarakan bidang pendidikan Islam dan adab belajar secara khusus. Karya ini adalah istimewa kedudukannya. Ini kerana, kebanyakan manuskrip Alam Melayu membahaskan tema dan perbahasan mengenai ilmu dan adab belajar ini hanya dalam bab atau fasal awal karya-karya tasawuf, fiqh dan akidah dan amat sedikit ditemui perbincangannya dalam sebuah karya khusus, lebih-lebih lagi karya tradisional sekitar abad ke-18 dan abad ke-19.² Dengan ini, *Tibyān al-Marām* ini merupakan manuskrip yang unik dan amat sesuai dikaji dan diketengahkan isi kandungannya. Sebagai fokus penulisan makalah ini, aspek keperluan zikir semasa belajar sebagai salah satu adab pelajar akan dianalisis lebih mendalam termasuk kelebihan, adab zikir dan juga lafaz-lafaz zikir yang utama kepada pelajar. Beberapa petikan teks terpilih daripada kitab *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Ṭalabah* juga ditransliterasi dan dinukilkhan dalam makalah ini untuk menjelaskan lagi fokus dan tema penulisan.

Konsep dan Galakan Berzikir

Zikir bermaksud suatu perbuatan mengingati Allah dengan menyebut beberapa kalimah tertentu. Ia juga merujuk kepada menyebut-nyebut nama Allah dan mengingati-Nya sama ada secara jelas melalui lisan dan perkataan mahupun secara sembunyi di dalam hati.³ Kata asal zikir ini adalah daripada bahasa Arab (*dhikr=dhāl-kāf-rā'*) yang membawa maksud mengingati, menyebut, memuji yang merujuk kepada Allah SWT.⁴ Lawan bagi zikir pula ialah lupa (*nasiya*) dan juga lalai (*ghaflah*).⁵

Secara umumnya, kata zikir dengan pelbagai terbitannya dalam al-Quran terdapat 282 kali ulangan dalam 71 surah.⁶ Merujuk kepada kalimah zikir dalam al-Quran ini membawa pelbagai maksud yang amat luas, bukan sahaja merujuk kepada menyebut dan mengingati Allah SWT dengan lisan semata-mata. Ia boleh disimpulkan dengan sembilan maksud utama⁷ termasuklah wahyu dan al-Quran itu sendiri disebut sebagai seagung-agung zikir seperti firman Allah dalam Surah al-Hijr dan Surah al-Ṣāffāt.⁸ Namun begitu, disebalik keluasan maksud tersebut, secara ringkasnya zikir merujuk kepada menyebut dan mengingati Allah SWT sama ada secara lisan, sebutan mahupun dalam hati seseorang yang mana gabungan antara hati dan lisan itulah yang terbaik.⁹

Menurut Imam al-Nawāwī, beliau menjelaskan bahawa sesiapa sahaja yang taat kepada Allah SWT dalam erti kata yang sebenarnya, mereka juga dianggap sebagai orang yang berzikir kepada Allah (*dhākir ilā Allāh*)¹⁰ dengan merujuk kepada makna yang umum dan luas sebagaimana yang dikemukakan di atas. Begitu juga halnya dengan pendapat para ulama yang menjelaskan bahawa maksud “*wa al-dhākirāt*”¹¹ ialah mereka yang sentiasa berzikir kepada Allah khusus setelah selesai solat. Manakala menurut ‘Atā’ pula, mereka ialah yang sentiasa menunaikan

¹ Lihat, Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdullah (2015), “*Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihi Hammād*: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan,” *Jurnal Usuluddin*, Bil.41, h. 95-123; Abū Hāmid al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad (1999), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, ed. Jamal Maḥmūd & Muḥammad Sayyid, j.1, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth; Ibn Jamā‘ah al-Kinānī, Ibrāhim Bin Aḥmad (t.t.), *Tadhkirah al-Sāmi’ wa al-Mutakallim fi Adab al-‘Ālim wa al-Muta’allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn, Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyah li al-Kitāb; Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn (1986), *Ta’līm al-Muta’allim Tarīq al-Ta’allum*, ed. Muṣṭafā ‘Ashūr, Kaherah: Būlāq. Lihat juga al-Bazārī, Ismā‘il bin ‘Uthmān bin Bakr bin Yūsuf (t.t.), *Taḥfīm al-Mutafahhim Sharḥ Ta’līm al-Muta’allim*, Daghastan: Dār al-Risālah; Yāḥyā Ḥasan ‘Alī Murād (2003), *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta’allim inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*, Beirut: Dar ak-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 88-89; Fādil ‘Abbās ‘Alī al-Najādī (2012), *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta’allim fī Turāth al-‘Arabī wa al-Islamī*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 27.

² Mohd Anuar Mamat (2017), “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil. 15, h. 81.

³ Noresah Baharom (2015), *Kamus Dewan*, edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1816.

⁴ Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah (t.t.), *Mu’jam al-Waṣīf*, Kaherah: Maktabah al-Suruq al-Duwalīyyah, h. 313; Osman Khalid et.al (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 818.

⁵ Su’ād al-Hākim (1981), *Mu’jam al-Sūfi*, Beirut: Dandarah li al-Tiba‘ah wa al-Nashr, h. 487.

⁶ Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī (t.t.), *al-Mu’jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, TTT: Dar wa Matabi’ al-Sha'b, h. 270-275.

⁷ Sembilan maksud ini termasuklah Solat, peringatan, Kitab, perkhabaran, peringatan, takut (*khawf*), kemuliaan, jihad dan al-Quran. Lihat, Su’ād al-Hākim (1981), *Mu’jam al-Sūfi*, h. 487.

⁸ Surah al-Hijr (15): 9; Surah al-Ṣāffāt (37): 3. Mannā‘ al-Qattān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Kaherah: Maktabah al-Wahbah, t.t.), 16.

⁹ Yāḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (t.t.), *al-Adhkār*, Fatani: Matba’ah Bin Halabi, h. 6; Abdullāh Haddad (1999), *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*, terj. Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional, h. 253.

¹⁰ Al-Nawāwī (t.t.), *al-Adhkār*, h. 7.

¹¹ Surah al-Ahzāb (33): 35.

solat fardu dengan menjaga kewajipannya juga dikira sebagai *al-dhākirīn Allāh kathīran*.¹² Menjelaskan lagi maksud ini, Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadith yang bermaksud:

Dari Abū Hurayrah *rađiya Allāh ‘anhu* bahwa Rasulullah SAW bersabda: Apabila seorang suami membangunkan isterinya pada malam hari, kemudian kedua-duanya menunaikan solat dua raka’at, niscaya kedua-duanya dicatat termasuk dalam kalangan lelaki dan wanita yang banyak berzikir kepada Allah.¹³

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa maksud zikir itu boleh digunakan secara umum mahupun khas. Umum merujuk kepada apa sahaja perbuatan taat kepada Allah boleh dianggap sebagai zikir (juga disebut zikir dengan perbuatan), manakala dalam konteks yang khusus pula ialah mereka yang menyebut dan mengingati Allah dengan hati ataupun lisan. Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam al-Quran merujuk kepada golongan *ulū al-albāb*, iaitu mereka yang sentiasa berzikir kepada-Nya dalam keadaan berdiri, duduk mahupun semasa pembarangan.¹⁴

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, bahawa al-Quran banyak menyebut dan memerihalkan berkenaan zikir serta galakan terhadapnya. Begitu juga terdapat pelbagai hadith yang menjelaskan hal yang sama. Bahkan zikir ini merupakan sebahagian ibadah kepada Allah SWT, jalan mendekatkan diri kepada-Nya dan perkara yang amat besar kemuliaannya.¹⁵ Antara firman Allah SWT berkenaan dengan kelebihan zikir ialah:

Dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadah-ibadah yang lain).
Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.¹⁶

Dan Allah SWT juga berfirman yang bermaksud:

Karena itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya Aku ingat (pula) kepadamu sekalian.¹⁷

Dan lagi seperti firman Allah yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya di waktu pagi dan petang.¹⁸

Berdasarkan beberapa contoh ayat al-Quran di atas, jelas menunjukkan bahawa zikir ini amat digalakkan oleh Allah SWT supaya dilaksanakan oleh umat Islam sebanyak mungkin yang mereka mampu dalam semua kesempatan yang ada. Inilah yang ditunjukkan oleh Baginda Nabi SAW yang mana dalam sebuah hadith ‘Ā’ishah pernah mengatakan bahawa “Rasulullah SAW itu berzikir kepada Allah dalam setiap keadaannya dan kesempatan yang ada”.¹⁹

Selain itu, dalam beberapa hadith yang lain Nabi SAW menyifatkan bahawa mereka yang tidak berzikir kepada Allah SWT termasuk dalam kalangan orang yang rugi dan juga beza antara mereka yang berzikir dan tidak seumpama beza orang yang hidup dibandingkan dengan orang yang mati.²⁰ Antaranya ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah, daripada Nabi SAW:

Barangsiapa yang duduk dalam suatu majlis kemudian dia tidak zikir kepada Allah Ta’ala, maka dia akan mendapatkan kerugian di hadapan Allah. Dan barangsiapa yang berbaring kemudian dia tidak berzikir kepada Allah Ta’ala, maka dia juga akan mendapatkan kerugian di hadapan Allah.²¹

¹² Al-Nawāwī (t.t.), *al-Adhkār*, h. 7.

¹³ Hadith Riwayat Abu Daud, hadith no.1309, *bāb qiyām al-layl*; Ibn Majah, hadith no,1335, *bāb mā jā'a qiyām al-layl*.

¹⁴ Surah Āl Ḥūd (11): 191.

¹⁵ Abdullah Haddad (1999), *Nasihat Agama*, h. 253.

¹⁶ Surah al-‘Ankabūt (29): 45.

¹⁷ Surah al-Baqarah (2): 152.

¹⁸ Surah al-Ahzāb (33): 41-42.

¹⁹ Hadith riwayat Muslim, hadith no. 117, *bāb dhikr Allāh fī hāl al-janābah wa ghayrih*.

²⁰ Hadith riwayat Bukhari, Hadith no. 6407, *bāb fadl dhikr Allāh*; riwayat Muslim Hadith no. 779, *bāb istiḥbāb ṣolāt al-nāfilah fī baytih*.

²¹ Hadith Riwayat Abu Daud, hadith no.4856, *bāb karāhiyyah an yaqūm min majlisihī wa lā yudhkar Allāh*.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa zikir ini amat digalakkan dalam Islam berdasarkan pelbagai dalil daripada al-Quran dan hadith.²² Disebalik galakan dan saranan daripada al-Quran dan hadith ini, tentunya zikir mempunyai banyak kelebihan tersendiri. Para ulama telah menyenaraikan pelbagai kelebihan zikir ini antaranya ialah zikir mendapat pahala dan keampunan Allah,²³ zikir menyucikan hati dan memberi ketenangan,²⁴ zikir mengelakkan lalai dan menggalakkan taubat,²⁵ zikir melemahkan dorongan nafsu dan syaitan, zikir mengukuhkan iman, zikir mensucikan hati dan sebagainya.

Berdasarkan perbahasan ini, adalah amat wajar makalah ini membincangkan keperluan zikir kepada para pelajar menurut manuskrip Melayu, khususnya zikir yang berkait langsung dengan pembelajaran. Hal ini disebabkan zikir ini merupakan salah satu adab yang perlu dilazimi oleh para pelajar sebagaimana yang dijelaskan oleh Pendidikan Islam seperti al-Ghazālī, al-Zarnūjī, Ibn Jamā‘ah dan sebagainya.²⁶ Malah al-Zarnūjī dalam *Ta‘līm al-Muta‘allim* membahaskan perihal zikir bagi pelajar ini dalam dua bab secara khusus. Selain itu, kaitan rapat antara zikir dan belajar ini juga dijelaskan oleh ulama Alam Melayu seperti Syeikh Abd al-Šamad al-Falimbānī dan Syeikh Ali bin Abdul Rahman al-Kelantani (Wan Ali Kutan) yang mana al-Falimbānī menyebut secara jelas bahawa antara kelebihan zikir ialah membuka makrifah dan ilmu pengetahuan.²⁷ Jadi ia amat sesuai dengan dengan keadaan pelajar yang menuntut ilmu supaya apa yang dipelajari dapat difahami dengan mudah. Namun, apakah keperluan dan jenis-jenis zikir yang utama diamalkan oleh para pelajar? Oleh yang demikian, makalah ini akan mengemukakan perbincangan berkaitan hal ini berdasarkan manuskrip Melayu yang bertajuk *Tibyān al-Marām*.

Pengenalan Manuskrip *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*

Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah merupakan salah sebuah kitab yang disimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), ia berada dalam koleksi sekumpulan manuskrip yang bernombor panggilan MSS2906. Dari aspek fizikalnya, naskhah MSS2906 ini terdiri daripada 20 kuras berjahit namun tidak berkultit jilid dengan ketebalan 226+4 folio yang bersaiz 22.3 cm x 16.4 cm. Ia ditulis atas kertas laid Eropah yang berwarna putih kekuningan, berlubang-lubang kecil di kesemua halaman tanpa menjelaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tiga bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil (*tre lune*) dengan tanda kecil (*countermark*) VG dan PG. Folio 1a agak kotor, lusuh dan berwarna kuning gelap disebabkan terdedah kepada asap, kotoran, air dan penggunaan yang kerap selain ketiadaan kulit jilid namun tulisannya masih jelas dan boleh dibaca. Bilangan baris setiap folio ialah antara 15 dan 16 baris dan tulisan adalah kemas dan konsisten.

Secara umumnya, dakwat tulisan yang digunakan berwarna hitam dengan rubrikasi pada perkataan Melayu tertentu dan ayat berbahasa Arab. Tanda penyuraan ayat bahasa Arab ada diberikan dan penggunaan kata penarik adalah konsisten dalam manuskrip ini. Tiada tanda kolasi yang dapat diperhatikan dalam manuskrip ini. Secara amnya, hampir kesemua jidar lembarannya tidak mempunyai glos dan catatan sampingan. Dari aspek kandungan pula, MSS2906 ini terdiri daripada tiga teks utama seperti berikut:

1. *Bab al-Adab* karangan Muntajib. [ff.1r-6r]. Ia merupakan terjemahan antara baris nazam berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu mengenai adab menuntut ilmu. Karya ini lengkap dengan kolofon namun tidak dinyatakan penyalin, tarikh dan tempat penyalinannya.
2. *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. [ff.7v-93r]. Ia merupakan terjemahan dan ulasan teks *Talibah al-Talabah* karangan Muhammad bin ‘Alī al-Kāshgharī (m.705/1305). Secara umumnya, ia ditulis dengan dakwat berwarna coklat dan hitam dengan tulisan yang kemas, menarik dan konsisten. Pada permulaan manuskrip terdapat iluminasi gaya Aceh berbentuk kubah yang dihiasi corak bermotif daun dengan tulisan

²² Untuk maklumat lanjut mengenai zikir, galakan, kelebihan dan sebagainya lihat umpama, Abū Hāmid al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad (1999), *Iḥyā‘ Ulūm al-Dīn*, ed. Jamal Maḥmūd & Muḥammad Sayyid, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth; Ahmād bin Muḥammad al-Dīnūrī Ibn al-Sunnī (1987), *Kitāb ‘Amal al-Yawm wa al-Laylah*, ed. Bashīr Muḥammad ‘Uyūn, Damshiq: Maktabah Dār al-Bayān; Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (t.t.), *al-Adhkār*, Fatani: Matba’ah Bin Halabi; Abdullāh Haddad (1999), *Nasihat Agama dan Wasiyat Iman*, terj. Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional, dan sebagainya.

²³ Surah al-Ahzāb (33): 35.

²⁴ Surah al-Rā‘d (13): 28.

²⁵ Surah al-A‘rāf (7): 205.

²⁶ Burhān al-Islām al-Zarnūjī (1981), *Ta‘līm al-Muta‘allim Tarīq al-Ta‘allum*, tahqīq Marwān Qabbānī, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 130-140; Ibn Jamā‘ah al-Kinānī, Ibrāhīm Bin Ahmād. (1983). *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fī Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn. Beirut: Dār Iqra’, h. 88, 116-117. Lihat juga, Fāḍil ‘Abbās ‘Alī al-Najādī (2012), *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim fī Turāth al-‘Arabī al-Islāmī*, Damshiq: Dār al-Qalam, 351-366.

²⁷ Abd al-Šamad al-Falimbānī (2017), *Hidayat al-Salikin fī Suluk Maslak al-Muttaqīn*, Selangor: al-Hidayah, h. 243-244; Syeikh Ali bin Abdul Rahman al-Kelantani (t.t.), *al-Jawhar al-Mawhiūt wa Munabbihāt al-Qulūb*, Pulau Pinang: al-Mu‘arif, h. 13-15.

الله ورسوله محمد ﷺ berwarna merah dan hitam. Manuskrip ini terdiri daripada 87 folio bermula 7v. hingga 93r. dan setiap folio mempunyai dua bahagian (a – b). Setiap bahagian pula mengandungi lebih kurang 15 baris. Mengenai kandungan manuskrip ini, ia membincangkan perbahasan mengenai jalan-jalan ilmu dan bagaimana mengajarkan ilmu tersebut. Perbincangan ini dimuatkan dalam enam fasal termasuklah fasal mengenai hakikat ilmu, niat dalam menuntut ilmu, memilih ilmu dan perkara-perkara yang menambah dengan mengurangkan rezeki. Karya inilah yang menjadi fokus penulisan dalam makalah ini.

3. *Nihāyah al-Tadrīb* [ff.95v-226r]. Teks ini menazamkan karya berjudul *Ghāyah al-Taqrīb fi al-Fiqh al-Shāfi‘ī* karangan Abū Shujā‘ Alḥmad ibn al-Ḥusayn al-İsfahānī (m.592/1196); sebuah teks fikah yang masyhur dalam mazhab Syafie. Karya ini juga ditambahkan dengan kolofon namun tidak dinyatakan penyalin, tarikh dan tempat penyalinannya.²⁸

Selain itu, dalam kumpulan manuskrip ini terdapat beberapa fragmen catatan mengenai lafadz azan dan iqamat [ff.226v-227r] dan jadual kiraan permulaan bulan Ramadan [ff.227v-228r] manakala dua folio berikutnya dibiarkan kosong. Justeru, tidak jelas identiti pengarang dan penyalin kesemua teks yang terdapat dalam manuskrip ini. Pengamatan stil dan gaya tulisan kesemua teks tersebut juga mengunjurkan bahawa ianya disalin oleh individu yang berbeza pada masa yang berbeza. Teks-teks tersebut kemudiannya dikumpulkan, disusun, dijahit dan dijilid dalam sebuah buku walaupun pada hari ini yang masih berbaki adalah jahitan jilidnya sahaja tanpa kulit.

Berdasarkan analisis tera air dan tanda kecil kertas yang dijumpai pada teks *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah* ini mengunjurkan bahawa ia disalin antara penghujung abad ke-18 dan awal abad ke-19 Masihi. Ini kerana, kertas *tre lune* dengan tulisan PG belum dapat dipastikan usianya. Namun menarik diperhatikan bahawa motif yang sama dengan tulisan PC pula dianggarkan penghasilannya bermula tahun 1785 dan berikutnya.²⁹ Sebaliknya, penggunaan motif tersebut bersama dengan tulisan VG pada folio yang lain pula memberikan tempoh masa penghasilan kertas tersebut oleh syarikat Galvani di Itali antara 1760an hingga tahun 1839.³⁰ Dengan mengambil kira tempoh pergerakan kertas dari kilang ke pengguna yang merentasi benua ketika itu, adalah wajar untuk menganggarkan tarikh penyalinannya seperti yang telah dinyatakan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, manuskrip *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah* ini asalnya merupakan sebuah terjemahan daripada karya berbahasa Arab karangan Imam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī al-Kāshgharī (m.705/1305) yang bertajuk *Talibah al-Talabah*. Karya ini juga agak asing dan ia masih berstatus manuskrip serta belum lagi ditemui dalam penulisan para pengkaji pendidikan Islam kontemporari. Ia juga belum lagi dicetak walaupun para penulis biografi sarjana Islam seperti al-Ziriklī dan juga al-Babānī menyenaraikannya sebagai salah satu karya sah beliau.³¹ Di samping itu, agak menariknya, kitab ini juga mempunyai pengaruhnya yang tersendiri yang mana ia telah dihuraikan oleh Muḥammad bin Ziyād al-Shar‘abī (m.1135/1722) lebih kurang empat ratus tahun selepas terhasilnya kitab ini. Teks asal kitab *Talibah al-Talabah* dan syarahannya oleh al-Shar‘abī dijadikan sumber kepada penulisan kitab *Tibyān al-Marām* ini dan ulasan tambahan daripada penterjemah menjadikan ia satu karya yang unik sesuai dengan tradisi dan amalan pendidikan Islam di Alam Melayu. Ia merupakan asas dan panduan kepada para pelajar terutamanya di Aceh Darussalam yang merupakan pusat keilmuan Islam pada ketika itu. Oleh itu, makalah ini akan menganalisis sebahagian daripada kandungan manuskrip secara khususnya berkaitan dengan peranan dan keperluan zikir dalam kehidupan seorang pelajar.

Keperluan Zikir dalam Pembelajaran Berdasarkan Manuskrip *Tibyān al-Marām*

Merujuk kepada kitab *Tibyān al-Marām*, zikir sememangnya menjadi salah satu keperluan yang penting kepada para penuntut ilmu. Ia menjadi bekalan ruhani yang utuh sama ada untuk memudahkan perolehan ilmu dan juga menghadapi cabaran dalam menuntut ilmu. Dalam kitab *Tibyān al-Marām* ini, penulisnya menjelaskan akan kepentingan zikir dan doa, adab doa dan zikir, dan juga kelebihannya untuk para pelajar secara khususnya sebagai

²⁸ Perpustakaan Negara Malaysia (2003), *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketiga*, Kuala Lumpur: PNM, h. 25-26.

²⁹ Gori, Alessandro, Regourd, A., Brown, J.R. & Delamarthe, S. A (2014), *Handlist of the Manuscripts in the Institute of Ethiopian Studies Volume Two: The Arabic Materials of the Ethiopian Islamic Tradition*, Oregon: Pickwick Publications, h. liii.

³⁰ Biddle, Michaelle (2017), “New Strategies in Using Watermarks to date Sub-Saharan Islamic Manuscripts,” dalam *The Arts and Crafts of Literacy: Islamic Manuscript Cultures in Sub-Saharan*. ed. Andrea Brigaglia & Mauro Nobile, Berlin: de Gruyter, h. 27-68.

³¹ Khayr al-Dīn al-Zirkīlī (1999), *al-A’lām*, cet. ke-14, jil.7, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 32; Ismā‘il Bāshā al-Baghdādī (1955), *Hadiyyah al-‘Ārifīn: Asmā’ al-Mu’allafīn wa Āthār al-Muṣannafīn*, jil. 2, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h.140.

petua kemurahan rezeki dan juga menguatkan ingatan. Mungkin yang dimaksudkan dengan kemurahan rezeki ini juga merujuk kepada kurniaan Allah kepada para pelajar termasuklah aspek zahir seperti harta dan makanan serta aspek batin seperti kemudahan memahami ilmu dan mengingatinya. Berikut dikemukakan kepentingan zikir, lafaz dan kelebihannya kepada para pelajar berdasarkan manuskrip *Tibyān al-Marām*.

Mengenai kepentingan zikir ini, penulis manuskrip *Tibyān al-Marām* menjelaskan bahawa para pelajar perlu menggunakan masa yang ada untuk mengoptimumkan pembelajaran dan juga tidak ketinggalan berzikir, berdoa dan juga membaca al-Quran. Hal ini mampu memberi ketenangan, kefaian dan juga dihindari daripada bala bencana semasa hidup mereka sebagai seorang pelajar dan juga seorang muslim amnya. Dengan ini, penulis *Tibyān al-Marām* menukilkan teks asal kitab dan menterjemahkan:

فَيُنْبَغِي لِلْمُسْلِمِ أَنْ يَشْتَغلَ فِي أَوْقَاتِهِ كُلَّهَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى وَالدُّعَاءِ وَالتَّضَرُّعِ وَالتَّلَوَّةِ يَسْأَلُ اللَّهَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ لِيُصُونَهُ مِنَ الْبَلَاءِ وَالْأَفْلَاتِ، وَمِنْ رِزْقِ الدُّعَاءِ لَمْ يَحِرِّمِ الْإِجَابَةَ.

Ertinya: maka seyogialah bagi orang yang Islam itu bahawa bimbang ia pada segala waktunya itu tiap-tiap semuanya dengan zikrullah Taala dan dengan meminta doa dan dengan merendahkan diri antara hadapan Allah Taala dan dengan membaca Quran. Dan seyogia baginya pula dengan bahawa meminta daripada Allah Taala akan mengampun daripada segala dosa dan daripada tersalahnya. Dan akan memelihara oleh Allah Taala akan dia pada agamanya dan dunianya dan pada akhiratnya supaya dipelihara Allah Taala akan dia dengan sebab berkat doanya itu daripada segala bala, daripada segala bahaya. Bermula barang siapa yang dikurniai akan dia doa, nescaya tiada ditahankan akan dia akan diperkenankan doanya.³²

Pada tempat lain pula, penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan bahawa para pelajar perlu berhati-hati dengan kelalaian dan tidak terpedaya dengan kehidupan dunia yang sementara. Mereka perlu fokus kepada pembelajaran dan menggunakan sepenuh masa untuk tujuan tersebut dengan penuh ikhlas semata-mata kerana Allah, bukannya tujuannya mengejar keduniaan. Penulis kemudiannya menukilkan sebuah hadith *hasan* riwayat al-Tirmidhī, Ibn Mājah dan lainnya untuk menjelaskan hal ini dan menegaskan mereka yang terselamat daripada terpedaya dengannya ialah para ilmuwan, penuntut ilmu dan orang yang sentiasa berzikir dengan sebenar-benar ikhlas. Sabda Nabi SAW:

الدُّنْيَا مَلَوْنَةٌ مَلَوْنَةٌ مَا فِيهَا إِلَّا ذِكْرُ اللَّهِ وَمَا وَالَّهُ وَعَالَمًا وَمَنْعَلَمًا

Ertinya: Bermula dunia itu dilaknatkan akan dia dan dilaknatkan akan barang yang ada [d]alamnya melainkan zikrullah dan taat bagi Allah Taala dan orang yang alim dan orang yang tuntut ilmu.³³

Itulah secara ringkasnya kepentingan zikir dalam kehidupan seorang pelajar berdasarkan manuskrip *Tibyān al-Marām*. Seterusnya penulis *Tibyān al-Marām* juga menjelaskan tentang lafaz zikir yang utama, tatacara dan juga kelebihannya secara khusus untuk diamalkan oleh para pelajar. Perkara pertama diberi penekanan oleh penulis *Tibyān al-Marām* semasa belajar amnya dan juga berzikir khususnya tentang kesucian zahir dan batin. Penekanan kepada aspek ini diberi penekanan dengan menggalakkan para pelajar sentiasa bersuci dengan mengekalkan wuduk dan berzikir dengan menghadap ke arah kiblat. Hal ini akan membawa kemudahan dalam memperolehi ilmu. Menjelaskan kepentingan wuduk ini, beliau menyatakan:

Maka seyogialah, ertinya maka sunatlah bagi orang yang menuntut ilmu itu dan demikian lagi bagi orang yang lainnya, tetapnya sunat *mu'akkadah-lah* padanya bahawa tiada menjabat ia akan kitab melainkan dengan suci yang sempurna ia ertinya sertanya, tetapi makruhlah menyentuh dan menanggung segala kitab tafsir yang terlebih ia atas Quran. Dan demikian lagi segala kitab hadis dan segala kitab fiqh dengan tiada suci ia dan iaitu pada Syarak mengangkatkan hadas dan menghilangkan najis. Maka jika tiada dapat bersuci dengan air, nescaya tayamumlah ia kerana bahawasanya yang demikian itu setengah daripada segala sebab dibukakan Allah Taala baginya akan ilmu.³⁴

³² Lihat f.17a-17b.

³³ Lihat f.25a.

³⁴ Lihat f.41a.

Mengenai menghadap kiblat pula, beliau menjelaskan:

Dan seyogialah baginya bahawa duduk ia padahal mendaras dan mengulang-ulangnya hal keadaan ia yang berhadap kiblat, kerana bahawasanya duduk itu sunat. Dan lagi seyogia baginya bahawa menghabis ia akan ber-orang yang mempunyai kebaikan dan yang mempunyai *ṣalāḥ*. Dan lagi seyogia baginya bahawa memelihara ia daripada ber-orang yang zalim sekadar dapat ia akan dia.³⁵

Selain itu, penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan pula berkenaan dengan beberapa lafadz zikir yang utama dan kelebihannya dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Zikir yang dimaksudkan oleh penulis *Tibyān al-Marām* ini merujuk kepada doa-doa yang dipetik daripada al-Quran, hadith dan juga amalan para ulama terdahulu yang telah teruji akan kebaikan dan kelebihannya yang diungkapkan oleh penulis sebagai “yang telah dicubakan dia”.³⁶ Antara zikir yang utama ialah seseorang pelajar itu digalakkan selalu menyebut zikir yang dikemukakan oleh Allah SWT dalam Surah Tāhā (20): 114:

Maka setengah daripada segala ayat itu firman Allah Taala:

وَقُلْ رَبِّ زَنْدِي عَلَمٌ

Ertinya: “dan katakan oleh mu ya Muhammad: hai Tuhan ku! Tambah oleh Mu akan daku akan ilmu”.³⁷

Seterusnya, penulis *Tibyān al-Marām* pula membahagikan zikir ini berdasarkan dua kelebihan utama iaitu untuk menguatkan ingatan dan untuk kemurahan rezeki. Mengenai kelebihan pertama ini beliau menjelaskan:

Dan seyogialah baginya bahawa mencari dan mengusahai ia pada di-per-hasil-kan barang yang memberi kuat dan memberi pusaka akan dihafazkan daripada barang yang dijadikan akan dia oleh [Allah] Taala akan bagi yang demikian itu, dan iaitu amat banyak. Setengah daripadanya mensedikitkan makanan dan mengerjakan sembahyang tahajud dan membaca Quran.³⁸

Dalam petikan di atas, penulis menjelaskan dua zikir yang paling baik untuk tujuan menguatkan hafazan dan juga mengelakkan penyakit lupa, iaitu membaca al-Quran dan juga solat pada waktu malam terutamanya Solat Tahajud. Hal ini selaras dengan perbincangan sebelum ini yang merujuk kepada zikir dalam konteks yang umum. Al-Quran dan hadith sendiri menjelaskan bahawa solat dan juga membaca al-Quran merupakan sebaik-baik zikir. Terdapat banyak ayat yang menunjukkan bahawa al-Quran adalah sebagai zikir. Antaranya al-Quran disebut dengan “*al-dhikr al-hākīm*,”³⁹ “*dhikrun mubārak*,”⁴⁰ “*dhikrun wa Qur'ānun mubīn*,”⁴¹ “*al-dhikr*,”⁴² “*dhikr li al-'ālamīn*”⁴³ dan sebagainya. Begitu juga halnya dengan solat, ia merupakan ibadat agung dan zikir terbaik berbanding ibadat yang lain.⁴⁴ Inilah dua ibadat dan zikir yang utama dan perlu dijaga oleh para pelajar dalam kehidupannya sebagai orang yang menuntut ilmu.

Seterusnya penulis *Tibyān al-Marām* juga menjelaskan secara terperinci mengenai kelebihan al-Quran sebagai zikir utama kepada para penuntut ilmu. Beliau menghuraikan hal ini dengan mengemukakan beberapa fadilat surah pilihan yang baik untuk diamalkan sebagai penguat ingatan dan juga membawa kemurahan rezeki. Antaranya yang paling utama ialah Surah al-Wāqi‘ah:

Dan setengah daripadanya membaca Surah al-Wāqi‘ah barang mana waktu itu, istimewa pula pada waktu dikehendaki tidur pada malam kerana hadis daripada Nabi *sallā Allāh 'alayhi wa sallam*:

من قرأ سورة الواقعة في كل ليلة لم يصبه فاقة

³⁵ Lihat f.75b.

³⁶ Lihat f.77a; f.90b.

³⁷ Lihat f.18b.

³⁸ Lihat f.76a.

³⁹ Surah Ālī 'Imrān (3): 58.

⁴⁰ Surah al-Anbiyā' (21):51.

⁴¹ Surah Yāsīn (36): 69.

⁴² Surah Ṣād (38):1.

⁴³ Surah Ṣād (38): 87.

⁴⁴ Surah al-Ankabūt (29): 45.

Ertinya: “Barang siapa membaca ia akan Surah al-Wāqi‘ah pada tiap-tiap malam, nescaya tiada kena akan dia kepapaan”. Dan datang hadis pula iaitu:

علموا نساءكم سورة الواقعة فإنها سورة الغنا

Ertinya: “Ajar oleh kamu akan segala perempuan kamu akan Surah al-Wāqi‘ah. Maka bahwasanya surah kekayaan”.⁴⁵

Di samping itu juga, penulis *Tibyān al-Marām* menyatakan selain Surah al-Wāqi‘ah al- para pelajar juga digalakkan membaca Surah al-Mulk, Surah al-Muzzammil, Surah al-Layl dan Surah al-Inshirāh yang turut mempunyai kelebihan yang sama. Beliau menyatakan akan kelebihan surah tersebut dan seterusnya membawa *athar* daripada Sahabat sebagai dalilnya:

Dan setengah daripadanya membacakan Surah *Tabārak*. Bermula dipelihara akan atas dibacanya itu iaitu setengah daripadanya dibacakan Surah al-Muzzammil. Dan barang siapa membaca dia, nescaya dihilangkan daripadanya akan kesukaran dalam dunia dan dalam akhirat. Dan setengah daripadanya dibacakan Surah *Wa al-Layl* dan *Alam Nashrah*. Dihikayatkan akan bahwasanya seorang-orang laki-laki datang ia kepada ‘Abd Allāh ibn ‘Abbās *radiya Allāh ‘anhumā* dan berkata ia: ‘Bahwasanya aku takutlah aku akan kepapaan akan sebagai takut yang sangat. Maka adakah pada mu suatu padanya?’. Berkata ia, ertinya Ibn ‘Abbās pada jawabnya: “*Na ‘am*, bahkan adalah suatu padanya”. Kekalkan oleh mu atas membaca Surah al-Wāqi‘ah dan Surah al-Muzzammil dan Surah *wa al-layl idhā yaghshā* dan Surah *Alam Nashrah*. Maka bahwasanya semuanya itu men[sen]tosakan bagi mu daripada kepapaan’. Kemudian maka mengekal ia oleh laki-laki itu atas semuanya, maka tiadalah lalu atasnya beberapa hari hingga berhadaplah atasnya seribu dirham. Kemudian maka berkata ia: ‘Hai Ibn ‘Abbās! Inilah zakat harta ku. Maka beri oleh mu akan dia bagi orang yang mustahak mengambil dia’.⁴⁶

Mengenai Surah al-Inshirāh pula, secara khususnya penulis *Tibyān al-Marām* menyebut:

Kata orang yang mensyarah kitab ini: Dan telah aku dapatkan dengan khat setengah daripada orang yang kelebihan daripada orang yang mempunyai ilmu, akan bahwasanya barang siapa yang membaca ia daripada kemudian tiap-tiap sembahyang fardu:

الم شرح لك صدرك

tujuh kali, nescaya tiada lalu atasnya setahun, melainkan bahawa adalah ia terlebih kaya daripada segala orang yang pada masanya. Dan minta doalah ia dengan doa ini:

يَا اللَّهُ يَا رَبِّ يَا حَمِّ يَا قَيُومِ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ أَسْتَلِكَ بِاسْمِكَ الْعَظِيمِ أَنْ تَرْزُقَنِي رِزْقًا حَلَالًا بِرَحْمَتِكَ الْوَاسِعَةِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمْدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ إِنَّمَّا

Manakala mengenai solat pula, penulis *Tibyān al-Marām* amat menitikberatkan perihal solat ini dalam kehidupan seorang pelajar. Ia mempunyai banyak kelebihan di samping merupakan ibadat utama dalam Islam. Antara solat yang patut diberi perhatian oleh pelajar semasa belajar ialah solat fardu yang perlu ditunaikan secara berjemaah, khusyuk dan sempurna rukun serta wajibnya, terutamanya sekali solat Subuh dan Asar. Beliau menjelaskan:

Dan yang terlebih kuat daripada segala sebab mudah rezeki itu iaitu sembahyang yang dibangsakan dia pada Syarak. Dan adalah Nabi *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* apabila kena akan isi rumahnya kepapaan berkata ia: “Berdiri oleh kamu kepada sembahyang. Dengan inilah disuruhkan akan daku”. Dan bersabda ia bagi Abī Hurayrah *raḍiya Allāhu ‘anhu*, ertinya: “Suruh oleh mu akan isi rumah mu dengan mengerjakan sembahyang. Maka bahwasanya Allah Taala itu mendatang ia akan dikau dengan rezeki daripada pihak yang tiada engkau sangka-kan dan engkau *zān*-kan akan datang rezeki daripadanya”. Dan istimewa pula segala sembahyang yang lima dengan berjemaah, maka tiadalah syak akan bahwasanya terlebih menyangat ia pada yang demikian itu dan istimewa pula apabila adalah sembahyang itu serta khusyuk dan kesempurnaan itu, iaitu bahawa tiada ingat oleh orang

⁴⁵ Lihat f.87a.

⁴⁶ Lihat f.87a-87b.

⁴⁷ Lihat f.89b-90b.

yang sembahyang itu dalam hatinya akan yang lain daripada barang yang ada ia dalamnya. Dan setengah daripada yang lazim daripada khusyuk itu iaitu diamlah segala anggotanya daripada bermain-main dan serta menyempurnakan segala rukunnya dengan menyempurnakan segala kelakuannya yang lebih ia atas segala yang wajib baginya.⁴⁸

Antara solat lain yang perlu dijaga dan dilazimi oleh para penuntut ilmu untuk memperoleh kelebihan zikir yang memudahkan ingatan dan kemurahan rezeki ialah solat Tahajjud, solat Witir dan juga solat Duha. Penulis *Tibyān al-Marām* mengatakan:

Dan setengah daripadanya sembahyang Duha. Dan setengah daripada segala faedahnya itu memadai ia daripada sedekah yang ber-pagi ia atas segala otot manusia yang tiga ratus enam puluh otot. Dan meng-hikayat oleh Ḥāfiẓ Abū al-Faḍl kunyahnya, Zayn al-Dīn gelarnya, yang dibangsakan dia kepada negeri Iraq bahawasanya telah masyhurlah antara segala orang yang awam itu akan bahawasanya barang siapa yang mementing ia akan dia, nescaya dibutakan akan dia. Kemudian maka jadilah yang kebanyakannya daripada mereka itu meninggal-ninggal ia akan dia dengan sekali-kali kerana ilat yang demikian itu. Dan tiadalah bagi perkataan yang telah mengata oleh mereka itu akan dia itu asal, tetapi bermula yang zahir itu bahawasanya perkataan yang tersebut itu daripada segala perkataan yang menjabat akan dia oleh syaitan atas lidah mereka itu kerana bahawa menegah ia akan mereka itu akan kebajikan yang banyak, istimewa pula memadanya daripada yang demikian sedekah.⁴⁹

Merujuk kepada jenis solat yang lain, penulis *Tibyān al-Marām* menambah dengan beberapa tatacara dan adab supaya ia dikerjakan dengan sempurna. Antaranya ialah mendatangi solat itu sebelum waktu azan dengan sedia berwuduk, menunaikan solat sunat sebelum Subuh di rumah dan tidak bercakap perkara yang sia-sia setelah selesai solat Witir. Adab tersebut adalah berdasarkan Sunnah Nabi SAW dan juga kaedah yang diamalkan oleh para ulama. Beliau menjelaskan dengan katanya:

Ertinya: Dan setengah daripadanya mendatangkan oleh orang yang sembahyang itu kepada masjid dahulu daripada bang. Dan setengah daripadanya berkekalan atas *tahārah* dengan mengambil wuduk atau tayammum. Dan seperti berkekalan atas wuduk itu iaitu berkekalan atas membaiki dia. Dan setengah daripadanya diperbuatkan dua rakaat sunat yang dahulu daripada sembahyang subuh itu dalam rumahnya kerana hadis inilah terjemahnya: ‘Barang siapa sembahyang sunat subuh dalam rumahnya itu, nescaya diluaskan baginya pada rezekinya’. Dan setengah daripadanya dikerjakan sembahyang witir dalam rumahnya kerana hadis inilah terjemahnya: ‘Barang siapa mengerja ia akan sembahyang witir dalam rumahnya itu, nescaya diberi berkat akan baginya pada isi rumahnya dan pada hartanya dan pada perniagaannya dan pada tiap-tiap suatu daripada pekerjaannya’. Dan setengah daripadanya meninggalkan perkataan dunia dan iaitu barang perkataan yang tiada diberi pahala-kan dalamnya kemudian daripada sembahyang witir,’ tetapi makruh ia pada Syarak. Dan tersebut dalam hadis inilah terjemahnya: ‘Barang siapa men-lazim ia akan empat perkara, nescaya tiadalah kepapaannya dan segala isi rumahnya selama-lama. Pertama, menjagai dahulu daripada datang waktu subuh. Dan yang kedua, berwuduk dahulu daripada masuk waktu sembahyang. Dan yang ketiga, masuk ke dalam masjid dahulu daripada bang. Dan yang keempat, diam daripada berkata-kata kemudian daripada sembahyang witir’.⁵⁰

Di samping perihal al-Quran dan solat, penulis *Tibyān al-Marām* turut menjelaskan zikir-zikir dengan lafaz yang lebih khusus dan mempunyai fadilat untuk menguatkan ingatan serta kemurahan rezeki. Antaranya ialah zikir semasa seseorang pelajar memegang buku yang hendak dibaca:

Dan seyogia baginya bahawa mengata ia pada ketika diangkatkan kitab yang dibacakan dia dan yang ditilikkan padanya:

⁴⁸ Lihat f.86a-86b

⁴⁹ Lihat f.86b-87a.

⁵⁰ Lihat f.87b-88b.

Sebagai tambahan mengenai zikir yang perlu dibaca pada awal belajar dan mengulangkaji pelajaran penulis *Tibyān al-Marām* mengemukakan suatu faedah untuk melengkapkan lagi zikir yang dibaca semasa memulakan pembelajaran. Beliau mengatakan:

Dan apabila menghendaki ia akan bahawa tiada ia lupa akan suatu-suatu huruf, maka sanya mengata ia dahulu daripada dibacanya itu:

اللَّهُمَّ افْتَحْ لَنَا حِكْمَتَكَ وَانْشِرْ عَلَيْنَا رَحْمَتَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ertinya: “Hai Tuhan ku! Buka oleh Mu bagi kami akan segala *hikam* dan hambur oleh Mu atas kami akan rahmat, hai Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan dan kemurahan”.⁵²

Selain itu, antara lafaz zikir lain yang perlu diamalkan oleh pelajar ialah memperbanyakkan selawat ke atas Nabi SAW dan juga zikir setelah selesai solat fardu. Penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan:

Dan tersebut dalam asal: Dan bahawa mengata oleh orang yang menghendaki akan hafaz itu kemudian daripada tiap-tiap sembahyang yang fardu:

آمَنْتُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الْحَقِّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَكَفَرْتُ بِمَا سَوَاهُ

Ertinya: “Aku percayalah dengan Allah yang Esa Ia lagi yang *thābit* Ia, hal keadaan Ia Esa-Nya lagi tiada yang sekutu bagi-Nya, dan aku ingkar dengan barang yang lain daripada-Nya”. Dan lagi tersebut dalam asal: “Dan hendak membanyak ia akan mengucap selawat atas Nabi *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* kerana bahwasanya ertinya Nabi Muhammad itu rahmat bagi sekalian alam”⁵³

Penulis *Tibyān al-Marām* pula melanjutkan perbincangan mengenai kelebihan zikir dan juga petua untuk menguatkan hafazan dan mengelakkan lemahnya ingatan yang merangkumi aspek amalan spiritual seperti berzikir dan mengelakkan daripada kesedihan, kegundahan dan juga terlibat dengan dosa serta maksiat, manakala aspek kedua pula ialah berkaitan dengan amalan zahir seperti mengelakkan makanan yang menyumbang kepada lemahnya ingatan dan pantang-larang yang lain. Secara khususnya, penulis *Tibyān al-Marām* menyebut bahawa kesedihan dan kegundahan ini banyak berlaku kepada pelajar dan ia merupakan suatu perkara yang perlu dielakkan kerana mengakibatkan lupa dan lemah ingatan. Mengenai hal ini, beliau mengatakan:

Dan setengah daripadanya banyak kegundahan dan kedukaan pada segala pekerjaan dunia. Maka seyogialah bahawa tiada gundah ia dan tiada duka ia kerana pekerjaan dunia kerana yang demikian itu memberi mudarat ia akan dia dan tiada memberi manfaat ia akan dia dan sunyi ia daripada kelam dalam hatinya dengan bersalahan gundah kerana pekerjaan akhirat, maka bahwasanya tiada sunyi ia daripada cahaya dalam hatinya.⁵⁴

Seterusnya penulis *Tibyān al-Marām* mengemukakan tips dan zikir untuk mengatasi hal kebimbangan dan kegundahan yang menyumbang kepada lemah ingatan dan menjadi gangguan kepada pelajar, iaitu menetapkan iman yang sebenar terhadap qada' dan qadar Allah, mengelakkan daripada berhutang, dan mengamalkan dua lafaz zikir yang dipetik daripada hadith Nabi SAW, iaitu lafaz *hawqalah*. Beliau kemudiannya menyebut:

Dan setengah daripada memelihara-kan daripada keduanya itu iaitu bahawa dijauhkan barang yang memberi pusaka ia akan keduanya seperti berhutang dan seperti memelihara-kan barang yang menghilang ia akan keduanya seperti beriman dengan *qadaruhu*. Dan tersebut dan dalam hadis yang diriwayatkan dia oleh Anak Jawzi dengan isnadnya:

⁵¹ Lihat f.76a.

⁵² Lihat f.76b.

⁵³ Lihat f.77a

⁵⁴ Lihat f.77a.

من كثُر همومه وغمومه فليكثُر من قول لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.

Ertinya: “Dan barang siapa banyaklah kegundahannya dan kedukaannya, maka hendak mem-banyak ia daripada menyebut *lā hawla wa lā quwwata illā bi Allāh al-‘azīm*”. Dan berkata Nabi pula dengan bersumpahnya kerana meneguhi akan perkataan yang dahulu itu:

والذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيدهِ أَنْ لَا حُولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ لِشَفَاءِ مِنْ سَبْعِينِ دَاءِ أَنْدَاهَا الْهَمُّ وَالْغُمُّ وَالْحَزْنُ.

Ertinya: “Demi Tuhan bermula nyawa Muhammad itu pada tangan-Nya! berbuat Ia barang yang dikehendaki-Nya daripadanya bahwasanya kalimah *lā hawla wa lā quwwata illā bi Allāh* itu iaitu sungguh jadi sembah ia akan yang terlebih banyak tujuh daripada tujuh puluh penyakit. Yang ringan daripada semuanya itu gundah dan sangat gundi dan duka”. Dan tersebut dalam kitab yang bernama *Azraq* bahwasanya adalah bagi gundah dan duka itu ubat yang *ma’iḥūr* daripada Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan iaitu seperti yang telah diriwayatkan akan bahwasanya Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* berkata ia:

ما من عبد أصابه هم أو غم فقال: اللهم إني عبدك وابن أمتك إلى آخره وهو مشهور إلا أذهب الله تعالى همه وغمه وأبدله مكانهما فرحاً وسروراً.

Ertinya: “Tiada daripada seorang hamba Allah yang kena akan dia gundah atau duka, kemudian maka mengata ia *Allāhumma innī ‘abduka wa ibn amatika* hingga kesudahannya, padahal ia masyhur, melainkan dihilangkan Allah Taala akan gundahnya dan dukanya dan digantikan Allah Taala pada tempat keduanya akan keluasan dan kesukaan”.⁵⁵

Di samping lafaz *hawqalah* ini yang merupakan zikir untuk mengatasi kesedihan dan kegundahan dalam belajar, penulis *Tibyān al-Marām* juga menjelaskan bahawa zikir *hawqalah* dan disertai dengan *tahlīl* serta selawat adalah bertujuan untuk kemurahan rezeki semasa belajar. Ia menjadi petua dan telah diamalkan oleh para sarjana Islam sebelum daripada ini. Mengenai hal ini beliau menyebut:

Kata Sayyid Tāhir anak Ḥusayn: Telah aku dapatkan dengan suratan Hāfiẓ akan bahwasanya barang siapa yang mengata ia pada tiap-tiap hari:

لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم.

seratus kali dan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ.

seratus kali dan mengucap selawat atas Nabi *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* seratus kali, nescaya tiadalah datang atasnya empat puluh hari melainkan padahal ia sanya kayalah ia. Bermula perkataan ini sahlah dan lagi telah dicubakan akan dia.⁵⁶

Selain lafaz *hawqalah* ini, penulis *Tibyān al-Marām* menyatakan bahawa antara lafaz zikir yang juga penting dalam kehidupan seorang pelajar boleh dirumuskan sebagai zikir berdasarkan kalimah *al-ikhlāṣ* atau *tahlīl*, *tasbīh*, *taḥmīd*, *takbīr* dan *istighfār* dengan gabungan beberapa doa khusus berdasarkan hadith Nabi SAW. Mengenai kalimah *al-ikhlāṣ* atau *tahlīl* ini beliau mengatakan:

Setengah daripadanya menyebutkan kalimat *al-ikhlāṣ* ertiya *lā ilāha illā Allāh* pada ketika masuk ke dalam rumah. Dan setengah daripadanya sangatkan *subḥāna Allāh wa bi ḥamdu subḥāna Allāh al-‘azīm*, maka kerana bahwasanya tasbih segala makhluk Allah Taala, dan dengan sebab tasbih itu dikurniai akan mereka itu rezekinya seperti yang telah sabit ia dalam hadis daripada Nabi *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam*. Telah tersebutlah dalam asal kitab ini: Bahwasanya setengah daripada barang yang menambah ia pada rezeki itu bahawa dikatakan pada tiap-tiap hari kemudian daripada terbit fajar yang waktu sembahyang, yakni kemudian daripada terbit fajar *ṣādiq* seratus kali:

سبحان الله وبحمد الله سبحان الله العظيم وأستغفر الله وأتوب إليه.

Dan setengah daripadanya bahawa dikatakan pada tiap-tiap hari:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ.

seratus kali. Dan setengah daripadanya bahawa dikatakan kemudian daripada sembahyang Subuh pada tiap-tiap hari:

⁵⁵ Lihat f.77a-78b.

⁵⁶ Lihat f.90a-90b.

الحمد لله وسبحان الله ولا إله إلا الله.

tiga puluh tiga kali, dan kemudian daripada sembahyang Maghrib pula tiga puluh tiga kali dan diucapkan:

أستغفر الله.

tujuh puluh kali kemudian daripada fajar.⁵⁷

Sebagai akhirnya penulis *Tibyān al-Marām* seterusnya mengemukakan doa yang menjadi amalan para sarjana Islam untuk diamalkan oleh para pelajar, khususnya untuk kemurahan rezeki. Ia perlu dibaca secara khusus pada hari Jumaat khasnya selepas waktu Asar. Mengenai doa atau zikir ini, penulis *Tibyān al-Marām* menjelaskan:

Dan setengah daripadanya bahawa dikatakan pada hari Jumaat tujuh puluh kali:

اللهم أعني بحلاك عن حرامك وأكفي بفضلك عن سواك.

Dan lagi dipindahkan daripada suratan Syeikh Bulqīnī akan bahawasanya barang siapa mengata ia pada tiap-tiap Jumaat itu tujuh puluh kali:

اللهم أعني بحلاك عن حرامك ويفضلك عن سواك.

nescaya tiada lalu atasnya dua Jumaat melainkan padahal ia yang kaya daripada segala manusia.⁵⁸

Demikianlah keperluan zikir, lafaz dan kelebihannya yang dinyatakan oleh penulis *Tibyān al-Marām* dalam manuskrip beliau. Hal ini menjelaskan bahawa aspek zikir dan pengukuhan spiritual pelajar merupakan aspek yang penting kepada mereka di samping beberapa kelebihan yang dijanjikan sama ada untuk manfaat dunia mahupun ukhrawi. Antara amalan agama dan zikir yang perlu diberi perhatian dan dilazimi oleh pelajar termasuklah penjagaan dan penyempurnaan solat, membaca al-Quran, *hawqalah*, kalimah *al-ikhlās* atau *tahlīl*, *tasbīh*, *tahmīd*, *takbīr* dan *istighfār* serta doa-doa khusus yang dibincangkan di atas. Pemilihan dan penekanan terhadap zikir-zikir ini sememangnya selaras dengan al-Quran dan Sunnah⁵⁹ serta ia dikukuhkan lagi dengan pengalaman daripada para sarjana terdahulu.

Jadual Ringkasan Lafaz Zikir dan Doa untuk Pelajar dan Kaifiyatnya

Sebagai ringkasan dan untuk merumuskan lafaz zikir yang perlu untuk pelajar, kaifiat dan kelebihannya, sila lihat jadual di bawah:

Jadual 1. Zikir, Kaifiat dan Kelebihannya

Bil	Ibadat/Lafaz/Aktiviti	Kaifiat	Fadilat
1.	وقل رب زدني علما	Umum	Umum
2.	Solat Tahajud	Qiamullail	Kuat Ingatan
3.	al-Quran	Bacaan	Kuat Ingatan
4.	بسم الله سبحانه الله والحمد لله ولا إله إلا الله واهـ أكـرـ وـ لاـ حـولـ وـ لاـ قـوـةـ إـلـاـ باـهـ العـزـيزـ الـعـلـيمـ عـدـ كل حـرـفـ كـتـبـ وـ يـكـتـبـ أـبـدـ الـأـبـدـينـ وـ دـهـرـ الـدـاهـرـينـ	Semasa pegang kitab	Kuat Ingatan
5.	اللـهـمـ اـفـتـحـ لـنـاـ حـكـمـنـاـ وـ اـنـشـرـ عـلـيـنـاـ رـحـمـتـكـ يـاـ ذـاـ جـالـلـ وـ الـإـكـرـامـ	Umum	Elak lupa
6.	آمـنـتـ بـالـهـ الـوـاحـدـ الـحـقـ وـ وـهـ لـاـ شـرـيكـ لـهـ وـ كـفـرـتـ بـمـاـ سـوـاهـ	Lepas solat fardu	Untuk kuatkan hafazan
7.	لـاـ حـولـ وـ لـاـ قـوـةـ إـلـاـ باـهـ العـلـيـ الـعـظـيمـ		Hilang kegundahan yang membawa lupa
8.	الـلـهـ إـنـيـ عـبـدـكـ وـابـنـ أـمـنـكـ....إـلـىـ آخـرـهـ		Hilang kegundahan yang membawa lupa
9.	Dosa	Maksiat dan sebagainya	Mewarisi lupa

⁵⁷ Lihat f.88b-89b.

⁵⁸ Lihat f.90b.

⁵⁹ Untuk melihat dalil mengenai lafaz, galakan dan kelebihan zikir-zikir di atas ini boleh dirujuk karya khusus tentang topik tersebut seperti; Abū Hāmid al-Ghazālī, Muhammad bin Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, ed. Jamal Maḥmūd & Muhammad Sayyid, (Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, 1999); Ahmad bin Muḥammad al-Dīnūrī Ibn al-Sunnī, *Kitāb 'Amal al-Yawm wa al-Laylah*, ed. Bashīr Muḥammad 'Uyūn (Damshiq: Maktabah Dār al-Bayān, 1987); Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Adhkār*, (Fatani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.); Abdullah Haddad, *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*, terj. Syed Ahmad Semait (Singapura: Pustaka Nasional, 1999); dan sebagainya.

10.	Meremehkan solat		Mewarisi papa
11.	Tergesa-gesa keluar masjid	Subuh dan Asar	Mewarisi papa
12.	Solat (secara umum)	- Khusyuk dan serta menyempurnakan segala rukunnya - Secara berjemaah	Memurahkan rezeki
13.	صلوة الصبح	Waktu Duha	Memurahkan rezeki
14.	سورة الواقعة	- Dibaca malam sebelum tidur - Niat rezeki yang berkat - Membawa <i>qanā'ah</i> - Mendorong ibadah	Memurahkan rezeki
15.	سورة نزارك		Memurahkan rezeki
16.	سورة المزمل		Memurahkan rezeki
17.	سورة الليل		Memurahkan rezeki
18.	سورة ألم نشرح	kemudian tiap-tiap sembahyang fardu tujuh kali	Memurahkan rezeki
19.	صلوة سنة الفجر	Di rumah	Membawa berkat dan rezeki
20.	صلوة الوتر	- Di rumah - Tidak bercakap selepas Witir	Membawa berkat dan rezeki
21.	لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ	Ketika masuk ke dalam rumah	Memurahkan rezeki
22.	السلام علیّ	Ketika masuk ke dalam rumah	Memurahkan rezeki
23.	سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم		Memurahkan rezeki
24.	سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم وأستغفر الله وأتوب إليه	Setiap hari kemudian daripada terbit fajar yang waktu sembahyang, yakni kemudian daripada terbit fajar <i>sādīq</i> seratus kali	Memurahkan rezeki
25.	لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ الْمَالِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ	Setiap hari	Memurahkan rezeki
26.	الحمد لله وسبحان الله ولا إِلَهَ إِلَّا اللهُ	- Kemudian daripada sembahyang Subuh pada tiap-tiap hari - Tiga puluh tiga kali, dan kemudian daripada sembahyang Maghrib pula tiga puluh tiga kali	Memurahkan rezeki
27.	أَسْتَغْفِرُ الله	Tujuh puluh kali kemudian daripada fajar	Memurahkan rezeki
28.	لَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ	- Sebanyak mungkin - Seratus kali setiap hari	Memurahkan rezeki

29.	Selawat atas Nabi <i>ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam</i> .	Sebanyak mungkin	Memurahkan rezeki
30.	اللَّمَّا أَغْنَنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حِرَامِكَ وَأَكْفَنِي بِفَضْلِكَ عَنْ سُوَالِكَ	Hari Jumaat tujuh puluh kali	Memurahkan rezeki
31.	يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا رَبُّ يَا ربُّ يَا حَسِيْبُ يَا قَبِيْوُمُ يَا ذَالْجَلَلُ وَالْإِكْرَامُ أَسْتَأْكِلُ بِاسْمِكَ الْعَظِيمِ أَنْ تَرْزُقَنِي رِزْقًا حَلَالًا بِرَحْمَتِكَ الْوَاسِعَةِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمَدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُورًا أَحَدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ	Doa selepas baca Surah <i>Inshirāh</i> selepas solat	Memurahkan rezeki
32.		Seratus kali	Memurahkan rezeki

Kesimpulan

Zikir merupakan salah satu ibadat yang disyariatkan dalam Islam. Al-Quran dan Sunnah amat menggalakan umat Islam supaya sentiasa berzikir kepada Allah SWT dan menjanjikan pelbagai kelebihan. Galakan ini juga secara khususnya ditujukan kepada para pelajar yang sedang mengikuti proses pembelajaran mereka secara rasmi. Hal ini dijelaskan oleh sebahagian besar para sarjana Islam dan mereka menegaskan bahawa zikir ini merupakan salah satu adab yang perlu dilazimi oleh pelajar dalam rangka mendalamai ilmu pengetahuan. Perhatian sarjana Islam dalam aspek ini juga tidak terhad kepada para sarjana yang berlatarbelakang Arab-Islam, malah hal ini turut menjadi salah satu petua penting kepada para pelajar di Alam Melayu untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran mereka. Inilah yang dapat dilihat dalam perbincangan berdasarkan manuskrip Melayu terpenting mengenai Pendidikan Islam, MSS 2906 (B) kitab *Tibyān al-Marām Talibah al-Talabah*. Selain itu, aspek zikir dan keperluan kepada pelajar semasa proses pembelajaran mereka juga dihuraikan dengan lebih mendalam serta penulis kelihatan agak yakin dengan petua yang diketengahkan. Istilah “yang telah dicubakan dia” diulang dalam dua folio menunjukkan petua tersebut sama ada aspek amalan spiritual (doa dan zikir) dan makanan tertentu mampu memberi kelebihan sebagaimana yang dijelaskan. Beberapa lafadz zikir dan doa tersebut dikemukakan dalam manuskrip ini sebagai panduan kepada para penuntut ilmu khususnya untuk membantu ingatan dan membawa limpahan rezeki daripada Allah SWT. Perbincangan tentang keperluan zikir dalam manuskrip ini adalah selaras dengan karya-karya sebelumnya terutamanya tentang adab penuntut ilmu dalam tradisi pendidikan Islam dan menjelaskan bahawa zikir ini amat penting dalam kehidupan pelajar dalam membentuk diri mereka sehingga menjadi ilmuwan nanti. Adab inilah yang menjadi pegangan dan panduan kepada para pelajar di institusi Pendidikan Islam Alam Melayu terdahulu yang menjadi teras kepada lahirnya pelbagai tokoh dan ilmuwan yang terkemuka.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2018 (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

Rujukan

Abd al-Şamad al-Falimbānī (2017), *Hidayat al-Salikin fī Suluk Maslak al-Muttaqin*, Selangor: al-Hidayah.

Abdullah Haddad (1999), *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*, terj. Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional.

Abū Ḥāmid al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad (1999), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, ed. Jamal Maḥmūd & Muḥammad Sayyid, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth.

Aḥmad bin Muḥammad al-Dīnūrī Ibn al-Sunnī (1987), *Kitāb ‘Amal al-Yawm wa al-Laylah*, ed. Bašīr Muḥammad ‘Uyūn, Damshiq: Maktabah Dār al-Bayān.

Al-Bazārī, Ismā‘īl bin ‘Uthmān bin Bakr bin Yūsuf (t.t.), *Taṣḥīm al-Mutafahhim Sharḥ Ta‘līm al-Muta‘allim*, Daghastan: Dār al-Risālah.

Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn (1986), *Ta‘līm al-Muta‘allim Tarīq al-Ta‘allum*, ed. Muṣṭafā ‘Āshūr, Kaherah: Būlāq.

Anonim. *Bab al-Adab.*(MSS2906A). Kuala Lumpur: PNM.

Anonim. *Tibyān al-Marām Ṭalibah al-Talabah.* (MSS2906B). Kuala Lumpur: PNM.

Biddle, Michaelle (2017), “New Strategies in Using Watermarks to date Sub-Saharan Islamic Manuscripts,” dalam *The Arts and Crafts of Literacy: Islamic Manuscript Cultures in Sub-Saharan*. ed. Andrea Brigaglia & Mauro Nobili, Berlin: de Gruyter.

Burhān al-Islām al-Zarnūjī (1981), *Ta‘līm al-Muta‘allim Ṭarīq al-Ta'allum*, tahqiq Marwān Qabbānī, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

Fāḍil ‘Abbās ‘Alī al-Najādī (2012), *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim fī Turāth al-‘Arabī wa al-Islamī*, Dimashq: Dār al-Qalam.

Gori, Alessandro, Regourd, A., Brown, J.R. & Delamarre, S. A (2014), *Handlist of the Manuscripts in the Institute of Ethiopian Studies Volume Two: The Arabic Materials of the Ethiopian Islamic Tradition*, Oregon: Pickwick Publications.

Ibn Jamā‘ah al-Kinānī, Ibrāhim Bin Aḥmad (t.t.), *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fi Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn, Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyah li al-Kitāb.

Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī (1955), *Hadiyyah al-‘Ārifīn: Asmā‘ al-Mu‘allaftīn wa Āthār al-Muṣannafīn*, Beirut: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabī.

Khayr al-Dīn al-Zirkilī (1999), *al-A‘lām*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.

M.Mustaqim Mohd Zarif (2016), “Peranan Ulama dalam Pembangunan Keintelektualan Melayu: Perspektif Sosio-Sejarah,” kertas kerja *Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa: Menyingkap Perjuangan Bangsa*. Shah Alam: UiTM, (8-10 Nov2016), h. 1-22.

Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah (t.t.), *Mu‘jam al-Wasīṭ*, Kaherah: Maktabah al-Suruq al-Duwaliyyah.

Mohd Anuar Mamat (2017), “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, Bil.15, h. 66-88.

Mohd Anuar Mamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah & Muhammad Basthami Abdulllah (2015), “*Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Ibnihi Ḥammād*: Suatu Suntingan Ilmiah dan Terjemahan,” *Jurnal Usuluddin*, Bil.41, h. 95-123.

Muhammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī (t.t.), *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, TTT: Dar wa Matabi’ al-Sha’b.

Noresah Baharom (2015), *Kamus Dewan*, edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Khalid et.al (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perpustakaan Negara Malaysia (2003), *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketiga*, Kuala Lumpur: PNM.

Su’ād al-Hākim (1981), *Mu‘jam al-Ṣūfi*, Beirut: Dandarah li al-Tiba‘ah wa al-Nashr.

Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (t.t.), *al-Adhkār*, Fatani: Matba’ah Bin Halabi.

Yahyā Ḥasan ‘Alī Murād (2003), *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*, Beirut: Dar ak-Kutub al-‘Ilmiyyah.